

Seni Persembahan Randai: Permata Negara yang Semakin Hilang Sinarnya

Airena Abdullah
Ainul Mardhiyah Ahmad
Mohd Nazir Ahmad
Ahmad Zam Hariro Samsudin

**Fakulti Pengurusan Maklumat,
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Seni persembahan Randai adalah sebuah teater tradisional bagi Negeri Sembilan. Warisan ini semakin kurang mendapat sambutan daripada masyarakat khususnya di Negeri Sembilan. Ia terdiri daripada empat unsur yang penting iaitu unsur gerak tari, cerita (kaba), muzik dan juga dialog. Keempat-empat unsur ini penting dalam menjayakan persembahan ini. Kajian telah dijalankan untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang sejarah dan unsur-unsur yang terdapat dalam seni persembahan ini. Kaedah yang digunakan untuk mengkaji warisan ini adalah melalui temu bual sejarah lisan bersama Encik Mazdar Bin Abdul Aziz, yang merupakan seorang tenaga pengajar yang sangat berpengalaman dalam seni persembahan Randai di Beranang, Negeri Sembilan. Melalui kajian yang dilakukan, sejarah tentang seni warisan ini dapat diketahui dengan lebih mendalam dan setiap unsur-unsur seni warisan ini dapat difahami dengan lebih jelas.

Kata Kunci: seni persembahan Randai, seni warisan, anak Randai, Minang, Minangkabau, Negeri Sembilan.

Pengenalan

Seni persembahan Randai merupakan salah satu warisan yang masih kurang diketahui oleh kebanyakan masyarakat di Malaysia. Seni persembahan ini hanya diketahui oleh suku kaum Minangkabau di Negeri Sembilan. Namun begitu, tidak semua suku kaum Minangkabau mengetahui dengan mendalam

berkenaan warisan ini. Pada zaman dahulu, seni persembahan Randai ini dimainkan atau dipersembahkan sewaktu majlis-majlis rasmi, kenduri kahwin dan sebagainya. Pada masa kini, lebih kurang tiga pasukan Randai yang masih wujud. Salah satu contohnya ialah di Rembau. Dalam seni persembahan teater tradisional ini terdapat empat unsur yang digabungkan dalam seni persembahan teater tradisional ini iaitu gerak tari, cerita (kaba), muzik dan dialog. Oleh itu, unsur-unsur ini bergabung menjadi satu muzik yang menghasilkan gema bunyi yang berbeza antara satu sama lain dan alunan irama yang merdu.

Sebelum mendapatkan maklumat mengenai seni persembahan Randai, erti seni warisan ini harus difahami terlebih dahulu. Dalam kajian ini, kebanyakan maklumat yang diperolehi adalah melalui sesi sejarah lisan bersama Encik Mazdar Abdul Aziz, yang merupakan seorang tenaga pengajar yang sangat berpengalaman dalam seni persembahan Randai dan juga melalui pencarian maklumat dalam beberapa rencana di Internet. Encik Mazdar Abdul Aziz yang telah diiktiraf sebagai tokoh seni persembahan Randai ini telah banyak mendapat ilmu mengenai Randai dengan berulang-alik dari Malaysia ke Indonesia untuk menuntut ilmu bersama tokoh Randai di sana. Oleh yang demikian, pendekatan ini diambil setelah mendapati bahawa maklumat tentang warisan ini masih lagi kurang mendapat perhatian di kalangan masyarakat. Hal ini disebabkan oleh kurangnya pendedahan mengenai kewujudan seni warisan yang diwarisi sejak turun temurun kepada masyarakat khususnya generasi muda pada masa kini.

Sejarah Seni Persembahan Randai

Seni persembahan Randai merupakan salah satu warisan seni persembahan yang berasal dari Negeri Sembilan. Namun, ada juga yang mengatakan bahawa pada asalnya Randai ini dikatakan berasal dari negara jiran kita iaitu Sumatera Barat, Indonesia. Seni persembahan Randai ini dibawa oleh orang Minangkabau dari Sumatera Barat ke Negeri Sembilan. Hal ini kerana, pada zaman dahulu terdapat ramai orang Minangkabau yang merantau ke Negeri Sembilan untuk memperoleh kehidupan yang lebih baik.

Dengan tersebarnya ilmu Randai ini ke Negeri Sembilan, ia telah menjadi salah satu warisan bagi penduduk di negeri itu. Tarian dalam seni persembahan Randai ini juga sering dimainkan di majlis-majlis keramaian seperti majlis perkahwinan dan sebagainya. Gerak-gerak dalam tarian Randai ini juga telah dapat menawan hati penduduk bukan sahaja di dalam negeri malah juga di luar negeri itu kerana keunikannya. Secara asasnya, seni persembahan Randai bermula dengan tarian yang berunsurkan pencak¹ silat Minangkabau.

Asal-usul nama bagi persembahan Randai ini juga dikatakan lahir daripada perkataan Minangkabau iaitu *merandai* yang dapat didefinisikan sebagai mencari barang yang hilang dengan melingkari sesuatu kawasan lapang itu. Dialek asal yang digunakan di dalam tarian Randai ini juga diambil dari dialek Minangkabau khususnya dari Bukit Tinggi, Sumatera, Indonesia. Namun, penggiat seni persembahan Randai pada masa kini lebih banyak menggunakan dialek Negeri Sembilan kerana dialek ini lebih bersesuaian dengan masyarakat negeri itu.

Persembahan Randai ini juga lebih menarik dengan adanya iringan alatan muzik "caklempong"² seperti "tingkah"³, "boning"⁴ dan juga "gereteh"⁵. Namun terdapat juga alatan muzik lain yang digunakan untuk mengiringi persembahan Randai ini seperti "jidor"⁶, "tamborin"⁷, "bangsi"⁸, "pupuik batang padi"⁹ dan "saluang"¹⁰. Alatan muzik seperti "caklempong" juga ada mengiringi tarian Randai. Ia juga dipersembahkan sebagai teater dalam

¹ Permainan mempertahankan diri dgn kepandaian menangkis atau mengelak.

² Caklempong merupakan alat muzik tradisional Melayu yang tergolong dalam keluarga gong yang berukuran kecil.

³ Terdiri daripada 8 biji bonang yang disusun mendatar di atas tepak. Tingkah berperanan memainkan kod.

⁴ Diperbuat daripada perunggu atau tembaga yang berbentuk sama seperti gong atau tetawak kecil. Saiznya sama besar dengan sebuah piring. Seperti gong, bonang juga mempunyai cembol atau tombol bulat di bahagian tengahnya.

⁵ Terdiri daripada 15 bonang yang disusun mendatar di atas tepak dan merupakan melodi utama. Terdapat dua set gereteh di dalam satu set lengkap caklempong.

⁶ Menggunakan "Kulit Kambing Jantan". Salah satu peralatan yg dimainkan bersama pasukan kompang

⁷ Tamborin adalah alat muzik perkusi yang dimainkan dengan cara ditabuh dan digoyang dan mengeluarkan bunyi gemerincing.

⁸ Bangsi mempunyai tujuh lubang di bahagian atas dan satu lubang di bahagian bawah.

⁹ Alat muzik tiup ini berasal dari Minangkabau dan diperbuat daripada batang padi yang sudah tua dan berbuku.

¹⁰ Alat muzik tradisional orang Minangkabau yang sama seperti seruling pada umumnya dan diperbuat daripada bambu.

bulatan bagi mencapai persamaan dan penyatuan antara penonton dan peserta.

Unsur-unsur dalam Seni Persembahan Randai

Cerita (Kaba)

Unsur cerita ini lebih dikenali sebagai *kaba*. *Kaba* dalam bahasa Minang bermakna khabar. Pandangan Arzul Jamaan (1988), dalam “Dari Kaba Hingga Ke Randai”, menjelaskan *kaba* bererti *barito* (berita) dari suatu kejadian atau peristiwa pada masyarakat terdahulu yang menjadi cerita turun-temurun. Esten (1992) mengatakan Randai adalah tarian dan *kaba*, diperkenalkan pula dengan bentuk kesenian yang baharu, iaitu komedi bangsawan. Bentuk kesenian ini diterima dan melahirkan suatu bentuk teater rakyat. Seni persembahan ini mudah diterima oleh golongan masyarakat kerana berkait rapat dengan kehidupan masyarakat Minangkabau.

Selain itu, menurut Zulkifli (1993), melalui “Randai Sebagai Teater Rakyat Minangkabau di Sumatera Barat: Dalam Dimensi Sosial Budaya” menjelaskan cerita rakyat pada masyarakat Minangkabau berkembang dengan cara *bakaba*. *Bakaba* merupakan cara pemain Randai menyajikan cerita berkenaan dengan cerita rakyat Minangkabau dengan menyampaikan dalam bentuk seni vokal atau dikenali sebagai dendang¹¹ dan *kaba* yang dinyanyikan atau didendangkan yang dipanggil sebagai nyanyian. Gurindam¹² sering kali diiringi dengan alat muzik seperti “rabab”¹³, “saluang”, “bangsi”, “talempong”¹⁴ dan lain-lain, yang mengeluarkan bunyi-bunyian yang indah untuk menjadikan sesuatu gurindam itu lebih sedap didengar. Dalam pemilihan tukang gurindam, jurulatih Randai akan memilih tukang gurindam yang mempunyai kriteria seperti suara yang sedap didengari, jelas dan boleh menarik perhatian penonton. Bait-bait gurindam pula akan direka oleh jurulatih Randai. Namun, pemain Randai juga boleh mereka bait gurindam tersebut tetapi perlu dirujuk terlebih dahulu oleh jurulatih Randai.

¹¹ Nyanyian (lagu yang dinyanyikan) untuk bersuka-suka atau menghiburkan hati.

¹² Bahagian-bahagian cerita yang didendangkan.

¹³ Alat muzik gesek tradisional khas Minangkabau yang diperbuat daripada tempurung kelapa.

¹⁴ Alat muzik tradisional Minangkabau yang dimainkan dengan memukul pada bahagian tengah yang menonjol dengan menggunakan kayu pemukul.

Pada peringkat awal persembahan Randai yang dipersembahkan pada zaman dahulu kala, cerita yang dipersembahkan adalah cerita rakyat Minangkabau yang dikenali sebagai *kaba*. Tetapi selaras dengan perkembangan masa kini, cerita Randai menjadi sangat bervariasi. Cerita randai pada masa kini bersumber daripada tiga sumber iaitu legenda rakyat Minangkabau, peristiwa sejarah dan karya sastera yang sedang berkembang, atau fenomena kehidupan sosial masyarakat. Cerita-cerita akan dipersembahkan semasa gerakan menari di mana langkah dan gerakan seperti pencak. Berpandukan Darwis yang dicatatkan kembali oleh Edi Sedyawati (1983), dalam “Seni Dalam Masyarakat Indonesia” menjelaskan, tarian dipersembahkan secara berkeliling atau dalam lingkaran, dan jumlah pelakonya tidak ditetapkan.

Dalam kesenian Randai, *kaba* ini disampaikan secara monolog diiringi alat muzik dan biasanya disampaikan oleh penglipur lara atau pencerita yang profesional. Semasa *kaba* disampaikan, para pelakon tidak ikut terlibat kerana pada prinsipnya *kaba* dalam Randai bersifat sebagai penghantar untuk menceritakan kisah yang akan dipersembahkan. Bercerita adalah hiburan yang paling popular di kalangan kaum Minangkabau, di mana cerita rakyat dan tradisi kaum telah diturunkan secara lisan dari satu generasi ke generasi yang lain.

Menurut Paetzold dan Mason (2016), dalam buku mereka iaitu “The Fighting Art of Pencak Silat and its Music”, *kaba* pada asalnya boleh dipersembahkan dalam dua cara iaitu melalui *legaran*¹⁵ ataupun *adegan*¹⁶. Apabila dipersembahkan secara *adegan*, unsur *kaba* akan diceritakan oleh pemain secara duduk manakala untuk *legaran* pula, *kaba* akan diceritakan di dalam nyanyian oleh penyanyi atau tokoh Randai di dalam bulatan yang dibentuk oleh pemain *Galombang*¹⁷. Dalam setiap *legaran*, dua penyanyi Randai yang akan menyanyikan lagu Rakyat Minangkabau atau dendang yang diiringi oleh “saluang”, iaitu seruling buluh terbuka. Kebiasaannya, penyanyi yang akan menyampaikan dendang itu akan berada di tengah-tengah lingkaran ataupun mereka akan duduk bersama dengan kumpulan pemuzik.

¹⁵ Edaran, giliran.

¹⁶ Bahagian kecil sesuatu babak (drama) yang bermula dengan tampilnya seorang pelakon baru.

¹⁷ Gerakan silat ini berbentuk seperti gelombang laut hingga wujud gerak tari yang indah

Gerak tari

Unsur gerak tari dalam persembahan Randai berasaskan gerakan dari pencak silat. Dalam persembahan Randai juga mempunyai unsur gerak tari yang dikenali sebagai *Galombang*. *Galombang* merupakan gerak tari yang dilakukan oleh pemain Randai secara serentak namun pemain muzik dan beberapa pelakon tidak termasuk dalam melakukan gerak-geri *Galombang* ini. Randai adalah merupakan suatu bentuk seni tari Minangkabau dengan gerak-geri seperti pencak silat, dipersembahkan oleh beberapa orang dalam formasi melingkar (membentuk bulatan) dikenali sebagai *Galombang* Randai. (Edi sedyawati & Sapardi Djoko Damono, 1983)

Gerakan *Galombang* dalam kesenian Randai adalah berasaskan seni pencak silat Minangkabau. Melalui temu bual bersama Encik Mazdar Abdul Aziz (Mazdar Abdul Aziz, Temu bual Sejarah Lisan, 20 Oktober 2018), kebanyakan silat yang diajar kepada pemain Randai adalah silat yang berasal dari Minangkabau. Hal ini kerana, seni persembahan Randai ini adalah berasal dari Minangkabau, Indonesia. Antara silat-silat yang diajar adalah "Silat Pulut", "Silat Lintau", "Silat Tua", "Silat Teralak" atau "Silat Temangu". Sekiranya jurulatih Randai ini adalah seorang berbangsa Cina, jurulatih tersebut boleh mengajar gerak "Taekwondo". Tiada gerakan yang ditetapkan kerana ia berdasarkan kreativiti jurulatih Randai itu sendiri.

*Tapuak Galembong*¹⁸ atau tepuk *galembong* ini pada awalnya tiada dalam gerak tari pencak silat ini. Namun, Akademi Seni Karawitan Indonesia (ASKI) telah mencipta tepuk *galembong* ini. Disebabkan itu, ia telah menjadi satu ciri unik dan khas yang terdapat dalam seni persembahan Randai ini. *Galembong* merupakan celana atau seluar khusus yang dipakai dalam pertunjukan Randai. *Galembong* berbentuk seperti seluar silat pada umumnya akan tetapi mempunyai pesaknya terbuai ke bawah (jauh ke bawah). Para penari akan menepuk bahagian bawah seluar *galembong* sehingga mengeluarkan bunyi yang serentak dan menepuk tangan untuk menghasilkan pola irama yang menarik dan pada masa yang sama memeriahkan lagi suasana.

¹⁸ Penari menggunakan seluar *galembong* yang merupakan seluar yang khusus digunakan dalam Randai. Penari memukul bahagian bawah seluar sehingga menghasilkan satu bunyi yang menarik.

Seluruh anggota pemain melakukan gerakan yang sama dan serentak di bawah pimpinan *tukang gore*¹⁹. *Gore* merupakan bahasa Minang yang boleh didefinisikan sebagai ketua. *Tukang gore* memainkan peranan yang penting dalam persembahan *Randai*. *Anak Randai*²⁰ perlu mendengar arahan daripada *tukang gore*. *Tukang Gore* ini akan menentukan ragam gerak tari yang diikuti oleh semua pemain *Galombang* dengan cara memberi tanda atau kod ketika persembahan berlangsung. Pada dasarnya gerakan *Galombang* tidak mempunyai komposisi gerak yang tetap, tetapi improvisasi gerak daripada *tukang gore* dengan kreativiti yang tinggi menjadikan gerak *Galombang* selaras dan harmoni dengan unsur muzik vokal dan alat muzik yang ada di dalam persembahan *Randai*.



Gambar 1: Tari Galombang dalam persembahan *Randai*



Gambar 2: Penari-penari *Randai* melakukan gerakan *Galombang Randai* dalam satu lingkaran

¹⁹ Berperanan sebagai pemimpin di dalam kelompok tari di pertunjukan *Randai*.

²⁰ Para pemain *Randai*.



Gambar 3: Babak pembukaan Produksi Randai Tunang Pak Dukun

Muzik

Persembahan kesenian randai seperti yang telah dikemukakan, memiliki unsur muzik vokal dan instrumental. Muzik dalam kesenian Randai berfungsi sebagai selingan kepada perpindahan satu babak cerita ke babak cerita berikutnya. Babak dalam istilah seni Randai dikenali sebagai *legaran* iaitu perpindahan daripada satu babak ke babak berikutnya. Di samping itu alat muzik juga berfungsi sebagai ilustrasi pembentuk suasana dan sebagai pemandu dalam gerak *Galombang*.

Mengikut Murgianto yang dicatatkan oleh Sedyawati (1986), menjelaskan bahawa muzik dapat diklasifikasikan kepada muzik internal dan muzik eksternal. Dari segi muzik internal, muzik vokal (dendang atau gurindam) dilahirkan oleh pemain Randai sendiri. Bunyi muzik ini dilahirkan oleh tukang gurindam terdiri daripada beberapa orang atau tukang yang mendendangkan lagu. Penari *Galombang* juga terikut sama dalam menyumbang muzik internal yang terdiri daripada tepuk tangan, tepuk paha dan tepuk seluar *galembong*. Selain daripada itu, muzik eksternal pula adalah daripada alat muzik yang digunakan untuk mengiringi persembahan randai seperti “caklempong”, “caklempong pacik”²¹, “saluang”, “bangsi”, “rebana” dan

²¹ Caklempong pacik adalah satu cara atau teknik permainan caklempong yang mana bonang caklempong itu di pegang dengan sebelah tangan dan sebelah tangan lagi memalu atau mengetuk bonang yang di pegang itu tadi.

“jidor”. Terdapat juga alat muzik moden yang juga digunakan seperti gendang, *keyboard*²² dan seruling.

Di samping itu juga, terdapat irama yang wajib dimainkan dalam persembahan Randai ini. Menurut Encik Mazdar Bin Abdul Aziz (Mazdar Abdul Aziz, Temu bual Sejarah Lisan, 20 Oktober 2018), irama pembukaan yang wajib dimainkan adalah irama lagu Minangkabau iaitu “Dayang Daini”. Irama lagu ini telah menjadi simbolik kepada Randai dan akan dimainkan dari permulaan pembukaan gelanggang sehingga penutup pembukaan gelanggang. Irama kedua yang wajib dimainkan juga adalah irama lagu Minangkabau berjudul “Simarantang”. Lazimnya, irama lagu ini akan didendangkan sewaktu pemain Randai mempersembahkan gerak tari mereka iaitu gerak tari pencak silat. Selain dari itu juga, irama lagu Minangkabau “Simarantang Tinggi” juga wajib didendangkan sewaktu penutup persembahan Randai. Ketiga-tiga irama lagu ini wajib dimainkan dalam setiap persembahan Randai. Namun, seni kata lagu-lagu tersebut boleh diubah mengikut kreativiti jurulatih di mana hanya irama sahaja yang perlu dikekalkan.

Dialog

Unsur lain yang dijumpai di dalam persembahan Randai adalah dialog dan aksi pelakon. Dialog biasanya menggunakan bahasa Minang, tetapi ada juga yang berbahasa Indonesia. Dialog diambil daripada cerita (*kaba*) yang lebih banyak mengandungi unsur cerita yang bersifat ilustratif berbanding dengan cerita yang bersifat dramatik. Dalam perkara ini penggarap cerita Randai memainkan peranan penting untuk menentukan bahagian-bahagian daripada isi cerita. Cerita atau *kaba* yang disampaikan dalam seni Randai pada mulanya tidak mempunyai skrip atau naskah seperti teater moden. Tetapi pada masa kini, persembahan Randai sudah mempunyai skrip (naskah) yang boleh dilakonkan. Skrip Randai biasanya ditulis dalam bahasa Minang dan kadangkala ada juga yang ditulis dalam bahasa Indonesia. Skrip ini lazimnya ditulis berdasarkan kepada penonton sasaran. Jika penonton tersebut memahami bahasa Minang, skrip itu boleh ditulis dalam bahasa Minang. Jika sebaliknya, penulis skrip boleh menukar

²² Alat muzik yang mempunyai papan kekunci.

bahasa bagi skrip tersebut, supaya penonton memahami persembahan Randai itu.

Travesti²³ berkaitan masyarakat Minangkabau, boleh didapati dalam persembahan randai. Travesti berlaku pada pelakon utama perempuan dan pelakon travesti dikenali sebagai *biduan* iaitu panggilan untuk seorang lelaki yang berlakon sebagai perempuan dalam persembahan Randai. Fenomena travesti dalam kesenian randai di Minangkabau cukup unik. Pada mulanya *biduan* dalam kesenian randai muncul sebagai pelakon perempuan dan sangat disukai penonton. Namun begitu, selaras dengan perjalanan masa kini, pelakon *biduan* mulai berkurang kerana telah digantikan dengan pelakon perempuan sebenarnya.

Unsur-unsur ini merupakan perkara yang perlu ada dalam seni persembahan Randai. Apabila salah satu unsur dihilangkan atau diungkapkan²⁴, maka tidak boleh dikatakan sebagai Randai kerana unsur-unsur tersebut mempunyai hubungan kait yang terlalu penting dalam persembahan randai. Kesenian Randai yang berbentuk teater rakyat di Minangkabau, adalah sesebuah persembahan yang memiliki pelbagai unsur seni dan memiliki hubungan yang harmonis yang tidak boleh diungkapkan, dengan ciri budaya khas Minangkabau seperti cerita kaba yang dipersembahkan, bahasa yang digunakan adalah bahasa Minang, pakaian yang dipakai memiliki corak (motif) khas Minangkabau dan sopan-santun sesuai dengan adat-istiadat Minangkabau.

Pemakaian dalam Seni Persembahan Randai

Pemakaian kostum dalam seni persembahan Randai Negeri Sembilan pada awalnya lebih bersifat sederhana sahaja, iaitu celana *galembong* baju hitam, dan destar²⁵ hitam. Namun begitu, kemudiannya muncul tata busana²⁶ yang menjadi antara aspek yang penting dalam seni persembahan Randai. Hal ini adalah untuk menjadikan sesuatu persembahan Randai lebih meriah dan

²³ Karikatur, parodi, ejekan, olok-olok.

²⁴ Dimansuhkan.

²⁵ Tengkolok, tanjak, kain (ikat) kepala.

²⁶ Pakaian tari merupakan segala sandang dan perlengkapan yang dikenakan penari di atas pentas

ceria. Tata rias²⁷ pemakaian kostum dalam seni persembahan Randai terdiri daripada busana untuk anak Randai dan tokoh Randai. Busana anak Randai juga bergantung kepada keperluan cerita. Mereka dikehendaki memakai “baju guntiung cino”²⁸, celana atau seluar *galembong*, dan destar. Busana untuk tokoh Randai pula akan dipilih mengikut peranan yang akan dipersembahkan kemudian.

Warna juga memainkan peranan dalam persembahan randai. Pakaian berwarna merah akan dipilih jika seseorang tokoh Randai itu berpewatakan sebagai seorang yang berani. Selain itu, pakaian berwarna hitam pula akan dikhususkan kepada tokoh Randai yang berperanan sebagai perompak atau *urang bagak*²⁹ untuk meyakini penonton tentang watak jahat yang dibawa oleh tokoh Randai tersebut. Bagi peranan tokoh wanita, beliau akan dihias dan didandankan dengan pakaian wanita seperti sandal bertumit tinggi kebaya pendek, suntung, dan sebagainya.

Berikut merupakan antara busana yang digunakan oleh pemain Randai dalam seni persembahan Randai yang telah dijelaskan oleh Abd. Samad Kechot (2009) dalam “Laporan Kajian Randai Warisan Masyarakat Minang Negeri Sembilan: Meneroka Perkembangan dan Taburannya”.

1. **Seluar *Galembong*** ialah seluar longgar yang tidak berkantung (saku), pesaknya terbuai ke bawah (jauh ke bawah), dan hanya hujung bahagian kaki yang agak kecil.
2. **Baju Guntiung Manih** ialah baju longgar berlengan panjang, tidak mempunyai kerah (kelepek baju), bahagian dada di belah lebih kurang satu jengkal (15 sm), tidak memakai buah baju (kancing) dan mempunyai dua kantung (saku).Walaubagaimanapun, pada hari ini telah berlaku perubahan dari segi bentuk, warna, dan hiasan baju ahli Randai.

²⁷ Seni menggunakan bahan-bahan aksesori untuk mewujudkan wajah peranan dengan memberikan dandanan atau perubahan pada para pemain.

²⁸ Merupakan pakaian lelaki Minang zaman dahulu yang tidak memiliki kolar dan tidak pula memiliki saku. Berlengan panjang dan diperbuat daripada kain ganiyah, kain ini memiliki warna putih dengan benang (kapas). Kain ini asli buatan orang Minangkabau. Baju ini tidak panjang dan tidak pula singkat (pendek), tetapi hanya sampai pertengahan tangan saja.

²⁹ Seseorang yang berani

3. **Deta (destar)** ialah ikat kepala dengan bentuk dasarnya segi empat. Destar ini diikatkan di kepala akan dibentuk bersesuaian dengan keinginan seperti bergonjong (tirus) satu, bertanduk dua dan sebagainya.
4. **Kain sampiang (kain samping)** ialah sejenis kain sarung yang diikatkan di pinggang pemain tetapi bukanlah seperti ikat pinggang. Apabila kain ini dipakai, bentuknya akan menyerupai segi tiga di pinggang.

Pemakaian kostum dalam seni persembahan Randai ini berbeza mengikut peranan dan watak mereka sendiri. *Anak Randai* akan memakai seluar *galembong* dan baju silat. Seluar *galembong* ini direka khas agar mengeluarkan sesuatu bunyi yang unik. Hal ini kerana sewaktu melakukan gerak tari pencak silat, mereka akan menepuk peha mereka. Hasil daripada tepukan itu, maka lahirlah bunyi unik dari seluar *galembong* itu sendiri. Manakala, warna bagi baju dan seluar *galembong* itu tidak ditetapkan kerana ia bergantung kepada kesesuaian di dalam persembahan.

Proses Keseluruhan Seni Persembahan Randai

Sebaik sahaja pengacara majlis mengumumkan persembahan akan dimulakan, bunyi *sentuang* (alat muzik yang berupa tanduk kerbau) akan dibunyikan dua atau tiga kali untuk memberi isyarat tentang kedatangan orang-orang besar ke majlis itu. Kemudian muzik *caklempong* akan dimainkan untuk menaikkan emosi penonton. Selepas itu, seorang pemain Randai akan masuk ke tengah gelanggang untuk melakukan persembahan pembukaan gelanggang sambil diriingi irama lagu "Dayang Daini". Jumlah jilid³⁰ tidak ditetapkan dalam seni persembahan Randai ini kerana ia bergantung kepada kreativiti jurulatih Randai.

Kemudian, jilid kosong akan dilakukan, di mana anak-anak Randai akan keluar dari belakang pentas setelah diberi arahan oleh anak Randai yang melakukan persembahan pembukaan gelanggang. Kemudian anak-randai ini akan melakukan tepukan sehingga terbentuknya sebuah bulatan.

³⁰ Babak.

Jilid kosong³¹ dikhaskan sebagai satu jilid hanya untuk membentuk satu bulatan. Setelah selesai membentuk bulatan, mereka akan duduk dan melakukan jilid satu pula. Di dalam jilid ini, irama lagu “Dayang Daini” wajib dimainkan sehinggalah selesai jilid tersebut.

Seterusnya mereka akan melakukan jilid kosong semula untuk menjemput pelakon untuk masuk ke gelanggang. Pelakon-pelakon akan masuk ke gelanggang dan seterusnya mereka akan memohon maaf sekiranya ada salah silap yang akan dilakukan tanpa sengaja sepanjang melakukan persembahan tersebut dan memperkenalkan watak-watak yang akan dibawa. Kemudian, anak-anak Randai akan bangun dan melakukan gerakan tepuk galembong di dalam bulatan untuk mengiringi para pelakon bergerak keluar dari gelanggang.

Setelah habis jilid-jilid yang dipersembahkan, akan ada pula jilid penutup yang diiringi dengan irama lagu “Simarantang Tinggi”. Kemudian akan ada persembahan akhir yang dipanggil sebagai ketengkol, iaitu di mana para pelakon, jurulatih, pemuzik, dan penyanyi diperkenalkan. Selesai sesi ini, maka dengan itu tamatlah seni persembahan Randai.

Kesimpulan

Dengan ini, dapatlah dirumuskan bahawa persembahan Randai ini merupakan salah satu warisan yang pada asalnya telah dibawa masuk oleh orang Minangkabau yang merantau atau berhijrah dari Sumatera, Indonesia ke Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, masih terdapat lagi sebahagian besar daripada golongan belia masa kini yang tidak mengetahui akan seni persembahan Randai ini. Hal ini sudah tentu membuatkan pewaris-pewaris warisan ini berasa sedih kerana kurangnya kesedaran tentang kewujudan warisan ini pada generasi muda pada zaman sekarang. Mereka lebih terikut-ikut dengan budaya luar yang semakin menular khususnya kepada generasi muda pada hari ini. Oleh sebab itu, kajian mengenai seni persembahan Randai perlu dibuat dengan lebih meluas agar remaja masa kini lebih peka tentang wujudnya seni warisan yang diwarisi oleh kaum Minangkabau sejak dari zaman dahulu lagi.

³¹ Babak yang tidak mempunyai sebarang gerak tari

Adalah diharapkan dengan adanya kajian ini, persembahan Randai ini semakin diketahui atau dikenali oleh pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengikut tahap umur dan bangsa. Walaupun seni ini telah dapat memikat hati sebahagian penduduk tempatan khususnya di Negeri Sembilan, namun begitu, warisan ini juga perlu diperkembangkan lagi kepada masyarakat di dalam dan luar negara. Seni persembahan Randai ini merupakan satu seni warisan yang melambangkan identiti negara kita yang boleh menjadi tarikan kepada pelancong. Kita sebagai rakyat Malaysia seharusnya menghargai warisan ini dan seterusnya mengangkat seni persembahan Randai ke peringkat yang lebih tinggi.

Rujukan

- Abd. Samad Kechot. (2009). Laporan Kajian Randai Warisan Masyarakat Minang Negeri Sembilan: Meneroka Perkembangan dan Taburannya. *Jurnal Melayu*, 4, 161-172.
- Arzul Jamaan. (1992). *Dari kaba hingga ke Randai*, Padangpanjang, ASKI Padangpanjang
- Edi sedyawati & Sapardi Djoko Damono. (1983). *Seni Dalam Masyarakat Indonesia*. Jakarta: PT Gramedia.
- Edi Sedyawati. (1986). *Tari Sebagai Salah Satu Pernyataan Budaya dalam Pengetahuan Elemen Tari dan Beberapa Masalah Tari*. Jakarta: Direktotar Kesenian.
- Halaman Utama PRPM. (n.d.). Retrieved from <http://prpm.dbp.gov.my/>
- Hussaini Amran. (2008). Keunikan tarian randai. Retrieved October 29, 2018, from http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1013&pub=Utusan_Malaysia&sec=Selatan&pg=ws_01.htm
- Minangkabau dance set to thrill this weekend. (2016). Retrieved October 29, 2018, from <http://www.therakyatpost.com/life/2016/03/26/minangkabau-dance-thrill-weekend/>
- Mursal Esten. (1992). *Tradisi dan Modernitas dalam Sandiwara*. Jakarta: Intermedia.
- Pätzold, U. & Mason, H. (2016). *The fighting art of pencak silat and its music: From Southeast Asian village to global movement*. Leiden: Brill.

- Ruzaidi Abd. Rashid. (n.d.). Randai: Gabungan Pelbagai Elemen: Klik Web DBP. Retrieved October 1, 2018, from <http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=4708>
- Setiawan. (n.d.). Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI). Retrieved from <https://kbbi.web.id/>
- Siti Haliza Yusop. (2018). Randai dari Bukit Tinggi, Sumatera Barat dibawa pengamal ke Malaysia. Retrieved June 21, 2015, from <https://www.bharian.com.my/node/62528>
- Teater legenda, cerita rakyat Minangkabau. (2016). Retrieved September 30, 2018, from http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2016&dt=0412&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm
- Zainal Abd Latiff & Duratul Ain D. Jonathan. (2014). To Randai or Not to Randai. *Asian Theatre Journal*, 31(2), 545-557. doi:10.1353/atj.2014.0037
- Zulkifli. (1993). *Randai Sebagai Teater Rakyat Minangkabau di Sumatera Barat: Dalam Dimensi Sosial Budaya* (thesis). Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta.